

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

Febuari 1999

**CMM 102 - Kenalfaham Komputer/**

**DTM 302 - Pengantar Komputer**

Masa : [1 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM PULUH** soalan di dalam **TUJUH BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  - Jawab **SEMUA** soalan pada borang OMR.
  - Anda **TIDAK** dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari bilik peperiksaan. Selepas tamat peperiksaan, kertas soalan ini akan dipungut bersama-sama dengan borang OMR.
-

**BAHAGIAN A**

1. Sistem Maklumat dapat memberikan kesan positif terhadap cara bekerja seperti berikut:
  - I. membolehkan keputusan dibuat dengan cepat.
  - II. otomasi pejabat memudahkan kerja-kerja rutin.
  - III. mengujudkan interaksi antara pekerja dengan lebih baik dengan memberikan kemudahan komunikasi yang lebih berkesan.
  - IV. mengurangkan tekanan beban kerja fizikal.
  - (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
  
2. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
  - I. Komponen sistem multimedia terdiri daripada perkakasan, perisian, media dan personel.
  - II. Multimedia merupakan penggunaan pelbagai jenis media yang mana dikawal oleh sesebuah komputer.
  - III. Multimedia merubah suasana pembacaan.
  - IV. Teknologi multimedia juga digunakan dalam penerbitan video.
  - (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi

3. Yang manakah di antara yang berikut BUKAN merupakan peranti input terus menerus?
- I. OCR.
  - II. MICR.
  - III. Pen cahaya.
  - IV. VDT.
- (A) II sahaja
  - (B) II & IV
  - (C) I, II & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
4. \_\_\_\_\_ adalah satu terminal yang mempunyai keupayaan memproses.
- (A) Terminal dungu
  - (B) Terminal bestari
  - (C) Terminal mikrokomputer
  - (D) Terminal pintar
  - (E) Terminal stesen kerja
5. Yang manakah di antara berikut merupakan sistem multimedia?
- I. Buku elektronik.
  - II. Sistem maklumat kiosk.
  - III. Persembahan desktop multimedia.
  - IV. CD-ROM.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi

6. Satu TB adalah bersamaan dengan
- (A) 1 ribu juta bait.
  - (B) 1 juta MB.
  - (C) 10,000 MB.
  - (D) 1 juta bait.
  - (E) 1 ribu juta MB.
7. Kitaran mesin pemrosesan data adalah terdiri daripada fungsi-fungsi berikut:
- (A) terima, simpan dan papar
  - (B) input, terjemah, proses, dan output
  - (C) input, banding, kira, dan output
  - (D) pengisihan, pemrosesan, dan peringkasan
  - (E) input, proses, dan output
8. Manakah antara berikut tidak berkaitan dengan pemrosesan berjujukan atau pemrosesan berkelompok?
- (A) Data dikumpul dalam kumpulan sebelum dihantar kepada komputer.
  - (B) Data dihantar untuk diproses serta-merta.
  - (C) Fail urusniaga digunakan untuk mengemaskini fail induk.
  - (D) Sangat berkesan apabila aktiviti pemrosesan tinggi.
  - (E) Tiada jawapan di atas.

9. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Storan sekunder menyimpan data yang dimasukkan oleh pengguna dan telah diproses oleh CPU.
  - II. Rangkaian komputer menyokong operasi pelaksanaan serentak atur cara aplikasi.
  - III. Monitor LCD digunakan pada komputer bimbit terdiri daripada dua kategori iaitu "passive matrix" dan " active matrix " LCD.
  - IV. Dalam organisasi fail indek, rekod disimpan dalam susunan berjujukan dan fail mempunyai indek.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
10. Atur cara yang menukarkan arahan-arahan bahasa peringkat tinggi ke bahasa mesin ialah:
- (A) Pengkompil.
  - (B) Penghimpun.
  - (C) Penterjemah.
  - (D) Penukar.
  - (E) Penjana.
11. Nombor, huruf dan tanda seruan semuanya diwakilkan dalam bentuk \_\_\_\_\_ di dalam komputer.
- (A) transistor
  - (B) suis
  - (C) RAM
  - (D) nombor
  - (E) kod

12. Sistem pengkod \_\_\_\_\_ berupaya menyokong semua bentuk tulisan bahasa di dunia.
- (A) ANSI
  - (B) EBCDIC
  - (C) ASCII
  - (D) BINER
  - (E) UNICODE
13. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Komputer dikategorikan berdasarkan kos, saiz, kepantasan (MIPS), muatan, senibina/reka bentuk dan bilangan pengguna.
  - II. Sekumpulan 8 bait dirujuk sabagai satu bit.
  - III. Pengenal Aksara Dakwat Magnetik (MICR) adalah termasuk dalam kategori am untuk pengimbas OCR.
  - IV. Monitor biasanya dikategorikan berdasarkan kepada saiz, resolusi, keupayaan grafik, warna dan keupayaan memproses.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
14. Yang mana di antara jujukan berikut benar mengenai kedudukan hierarki ingatan daripada ter pantas ke terlambat?
- (A) RAM, cache, daftar, Ingatan Sekunder.
  - (B) RAM, daftar, cache, Ingatan Sekunder.
  - (C) Daftar, cache, RAM, Ingatan Sekunder.
  - (D) Cache, daftar, RAM, Ingatan Sekunder.
  - (E) Daftar, CPU, RAM, cache, Ingatan Sekunder.

15. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Unit pemrosesan pusat terdiri daripada unit aritmetik - logik, unit kawalan dan storan utama.
  - II. ROM BIOS ialah satu cip khas yang digunakan untuk menghidupkan komputer.
  - III. Sistem pengkod EBCDIC memerlukan lapan bit untuk mewakili sesuatu nombor.
  - IV. Konsep di mana sesebuah komputer mempunyai beberapa pemproses dikenali sebagai multi pemproses.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi
16. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Pangkalan selari (parallel port) ialah antaramuka yang boleh digunakan menghubungkan di antara pencetak dan komputer.
  - II. Ketumpatan cakera ialah bilangan bit yang boleh disimpan dalam satu unit kawasan di atas permukaan cakera.
  - III. Sistem pengoperasi Window 95 adalah merupakan sistem pengoperasi berbilang tugas.
  - IV. Sistem pengoperasi berbilang pemproses diperlukan oleh komputer yang mempunyai lebih daripada satu CPU.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi

17. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Untuk menjadi seorang yang benar-benar celik komputer, seseorang itu perlu tahu bagaimana menulis atur cara komputer sekurang-kurangnya dalam dua bahasa pengaturcaraan.
  - II. Oleh kerana komputer sangat teknikal, kegunaan komputer adalah terhad kepada bidang perniagaan, pendidikan, perbankan (banking) dan kerajaan sahaja.
  - III. Tiga fungsi asas: input, pemprosesan dan output dirujuk sebagai kitaran pemprosesan data.
  - IV. Perkakasan termasuklah item-item seperti papan kekunci dan skrin paparan; tetapi tidak termasuk peranti storan sekunder.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi
18. Teknologi maklumat (IT) adalah berkaitan dengan
- I. penggunaan berbagai teknologi untuk mengumpul maklumat.
  - II. penggunaan teknologi komputer terkini dalam bidang perniagaan untuk menukar data menjadi maklumat.
  - III. penggunaan teknologi komputer terkini dalam bidang komputer untuk memproses maklumat.
  - IV. semua jenis operasi yang menggunakan komputer.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi

19. Tugas pekerja berpengetahuan (knowledge worker) berkisar di sekitar
- (A) penggunaan, manipulasi dan penyebaran maklumat.
  - (B) penggunaan dan penyimpanan maklumat.
  - (C) pemprosesan data untuk menjadi maklumat.
  - (D) pengumpulan data untuk diproses menjadi maklumat.
  - (E) penggunaan komputer.
20. Yang manakah di antara pernyataan berikut adalah BENAR?
- I Daftar ialah kawasan storan sementara untuk arahan atau data yang digunakan untuk mempercepatkan pemprosesan di bawah arahan unit kawalan.
  - II VRAM menentukan saiz skrin komputer, kadar kecepatan imej dipaparkan dan berapa warna digunakan.
  - III ingatan utama bukan merupakan sebahagian daripada komponen CPU.
  - IV RAM adalah jenis ingatan meruap.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
21. Perkataan perisian bermaksud
- (A) satu set arahan yang difahami oleh komputer.
  - (B) satu set arahan yang boleh diterjemahkan oleh komputer ke bahasa mesin.
  - (C) satu disket yang mengandungi atur cara komputer.
  - (D) satu aplikasi sistem maklumat.
  - (E) satu set data yang telah diproses menjadi maklumat.

22. Pada peringkat manakah paling payah untuk mentakrifkan keperluan maklumat?
- (A) pengurusan
  - (B) strategik
  - (C) taktik
  - (D) perancangan
  - (E) pengoperasian
23. Operasi di mana data dipindahkan secara terus dari tempat operasi ke komputer dipanggil pemprosesan
- (A) berkelompok.
  - (B) dalam talian.
  - (C) terus.
  - (D) secara talian.
  - (E) masa sebenar.
24. Fail capaian rawak selalunya di simpan di dalam
- I. CD-ROM.
  - II. WORM.
  - III. cakera RAID.
  - IV. cakera.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
25. Konfigurasi sesebuah sistem komputer
- (A) menerangkan mengenai peranti komputer.
  - (B) menerangkan mengenai jenis dan spesifikasi perkakasan komputer.
  - (C) menerangkan mengenai jenis dan kategori perkakasan komputer.
  - (D) menerangkan mengenai maklumat penting tentang komputer untuk pembeli.
  - (E) menerangkan mengenai komponen dalaman perkakasan komputer.

26. Bila data dimasukkan secara dalam talian maka
- (A) ia boleh dicapai dan dimanipulasikan oleh pemproses pada masa itu juga.
  - (B) ia dikumpulkan secara berkumpulan.
  - (C) mod memproses berkelompok digunakan.
  - (D) data diproses untuk operasi bila diminta.
  - (E) storan utama menyimpan data semasa diproses.
27. Satu prosedur di mana komputer menyemak sama ada mesej sedia dihantar atau tidak ialah \_\_\_\_\_
- (A) Tinjauan (polling).
  - (B) Berjabat tangan (hand shake).
  - (C) Segerak (synchronous).
  - (D) Tak segerak (asynchronous).
  - (E) Pertelagahan (contention).
28. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Pemacu CD-ROM berkelajuan 3x berupaya membaca data pada kadar 600KBps.
  - II. Semasa pembacaan data pada cakera optik, pantulan pancaran laser pada permukaan berlubang diterjemahkan sebagai bit 1.
  - III. Cakera RAID diperlukan bagi tujuan aplikasi yang memerlukan kadar penghantaran dan penyimpanan data yang tinggi.
  - IV. Cakera DVD boleh menampung sehingga 9.4 GB data.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi

29. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Menu, arca dan kotak dialog merupakan ciri-ciri cerdas dalam GUI.
  - II. Takrif otomasi pejabat hanya merujuk kepada penggunaan komputer di pejabat.
  - III. Window 95 yang menggunakan konsep berbilang tugas membenarkan pengguna melihat video semasa sedang mencetak dokumen.
  - IV. Virus komputer boleh berjangkit (menyalinkan atur caranya) ke komputer lain melalui cakera CD-ROM.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
30. \_\_\_\_\_ merupakan projek-(projek) utama (7 flagship) yang diberikan tumpuan untuk menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).
- I. Universiti Multimedia
  - II. Teleperubatan
  - III. Kerajaan Bestari
  - IV. Kluster Penyelidikan & Pembangunan
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
31. Yang manakah antara berikut merupakan protokol piawai yang diperlukan oleh komputer untuk disambungkan kepada Internet?
- (A) Pine
  - (B) TCP/IP
  - (C) POP
  - (D) Tetingkap
  - (E) HTTP

32. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Menu, arca dan kotak dialog merupakan ciri-ciri cerdas dalam GUI.
  - II. Komputer yang dihubungkan di antara satu sama lain agar ia dapat berkomunikasi di antara satu sama lain dinamakan rangkaian tempatan setempat (LAN).
  - III. Dalam rangkaian tempatan setempat (LAN), komputer-komputer peribadi hanya dapat berkongsi softwer sahaja.
  - IV. Kabel fiber optik boleh dijadikan sebagai kabel LAN.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi
33. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. INTERNET adalah satu rangkaian kawasan luas JARING dan TM Net yang dibangunkan oleh MIMOS dan Telekom Malaysia.
  - II. Telnet bukan merupakan pelayan maklumat.
  - III. Veronica digunakan untuk mencari maklumat dalam internet menggunakan kunci perkataan.
  - IV. Newsgroup atau Usenet merupakan kumpulan perbincangan melalui e-mail.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi
34. Tujuan utama MIS ialah:
- (A) memproses data untuk dijadikan maklumat berguna.
  - (B) memproses maklumat untuk menghasilkan data yang berguna.
  - (C) menyediakan maklumat untuk tujuan membuat keputusan oleh pihak pengurusan.
  - (D) menjadi pelapor kepada Pegawai Ketua Eksekutif (CEO).
  - (E) menjadi sumber maklumat syarikat.

35. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut tentang WWW adalah BENAR?
- I. WWW mempunyai semua kemudahan yang ditawarkan oleh internet.
  - II. bertanggung jawab mempopularkan internet.
  - III. hypermedia.
  - IV. hypertext.
- (A) IV
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
36. Yang manakah daripada kenyataan berikut adalah PALSU berhubung topologi rangkaian bintang?
- I. Kerosakan hos akan memberi kesan terhadap komunikasi data rangkaian.
  - II. Semua komputer berkomunikasi melalui hos.
  - III. Kerosakan sesuatu nod tidak memberi kesan terhadap komunikasi data rangkaian.
  - IV. Semua komputer mempunyai pangkalan data tersendiri dan tidak perlu menggunakan pangkalan data pada hos.
- (A) IV
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi
37. Yang manakah antara berikut BUKAN merupakan perkhidmatan Internet?
- (A) E-Mel
  - (B) FTP
  - (C) Newsgroup
  - (D) Telnet
  - (E) World-Wide Web

38. Yang manakah di antara bidang kerjaya berikut yang merupakan bidang kerjaya dalam bidang teknologi maklumat?
- I. Jurutera Sistem.
  - II. Artis Grafik.
  - III. Juru Analisis Sistem.
  - IV. Pereka bentuk Pangkalan Data.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi
39. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. Mengikut Akta Hak Cipta adalah tidak menjadi kesalahan bagi menyalin sesuatu perisian sebagai salinan pendua.
  - II. Alat pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang tidak mendatangkan sebarang kesan buruk terhadap komputer yang diperiksa.
  - III. Kecederaan tekanan berterusan (RSI) adalah kesan buruk akibat penggunaan komputer terhadap kesihatan yang menyebabkan pengguna mengalami sakit kepala dan sakit belakang.
  - IV. Perisian "shareware" boleh dikongsi dan disalin tanpa had.
- (A) II  
(B) I & IV  
(C) II, III & IV  
(D) Semua jawapan di atas  
(E) Tiada jawapan yang diberi

40. Yang manakah di antara kenyataan-kenyataan berikut adalah PALSU?
- I. ROM merupakan suatu perisian tegar (firmware).
  - II. Modem yang mempunyai ciri-ciri berupaya mendail secara automatik, mendail semula, menyesuaikan ciri dan keupayaan agar sama dengan modem penerima serta dapat menerima isyarat visual ialah Acoustic Coupler Modem.
  - III. "Ketakutan terhadap komputer" dirujuk sebagai phobia komputer.
  - IV. Cache adalah merupakan cip atau litar khas yang direka untuk melakukan satu atau lebih kerja tertentu khususnya untuk mempercepatkan masa pengiraan berangka.
- (A) II
  - (B) I & IV
  - (C) II, III & IV
  - (D) Semua jawapan di atas
  - (E) Tiada jawapan yang diberi

#### BAHAGIAN B

Nyatakan sama ada kenyataan di bawah **BENAR** atau **PALSU**. Hitamkan **A** bagi **BENAR** dan **B** bagi **PALSU**.

41. Kandungan alamat berubah selepas operasi baca.
42. Pemprosesan multi proses melibatkan penggunaan beberapa komputer untuk melakukan satu kerja.
43. Ingatan Cache boleh digunakan untuk meningkatkan ingatan utama dan sebagai storan sekunder.
44. Bridge merupakan perkakasan komunikasi yang menghubungkan pelbagai sistem komunikasi untuk menghasilkan sistem terbuka enterprise-luas (enterprise-wide open system).
45. Pemeriksaan bit pariti - memastikan pemindahan data adalah tepat dan lengkap.
46. SIMM atau DIMM memudahkan proses pengurusan ingatan dan membenarkan ingatan tambahan dilaksanakan.
47. Kelajuan pemprosesan data di antara komputer yang menggunakan pemproses mikro Pentium MMX - 300 MHz adalah sama dengan komputer yang menggunakan pemproses mikro Pentium II - 300 MHz.
48. Suatu sistem berkomputer terdiri daripada perkakasan, perisian, data, prosedur dan pengguna.

49. Sistem pengoperasi berbilang tugas jenis pintas mengawal CPU dan menetapkan keutamaan pelaksanaan atur cara.
50. Organisasi fail indek merupakan kombinasi organisasi fail berjujukan dan fail rawak, di mana rekod-rekod disimpan di dalam fail dengan susunan berjujukan dan kedudukan rekod disimpan di dalam fail indek.
51. Ergonomik merujuk kepada kajian berkaitan hubungan fizikal antara manusia dan perkakasan yang digunakan supaya penggunaan komputer selesa, selamat dan mudah digunakan.
52. Perisian Asas Input/Output (BIOS) terdiri daripada perisian arahan khusus sistem yang berfungsi untuk memuatkan arahan-arahan spesifik dari ROM ke RAM apabila komputer dihidupkan.
53. Bus Data menghantar data yang telah diproses ke lokasi tertentu di RAM.
54. ISDN adalah sistem penghantaran yang menggantikan semua sistem analog dan sesuai digunakan untuk penghantaran video secara langsung.
55. Proses format akan membahagikan cakera kepada kawasan rekod but, jadual peruntukan fail (FAT), direktori akar dan kawasan data.
56. Bahasa Penghimpun ialah bahasa pengaturcaraan komputer yang terendah.
57. Perkhidmatan Telnet membenarkan anda log masuk secara jauh ke dalam rangkaian lain pada Internet.
58. Dalam topologi rangkaian bintang, setiap peranti dihubungkan kepada suatu unit pusat.
59. Kaedah merekod secara zon bertujuan untuk mengoptimumkan kadar kelajuan membaca data pada cakera.
60. Penghadang (Firewalls) bertindak sebagai laluan get (gateways) yang membenarkan pengguna mencapai bahan-bahan internet awam tetapi mereka tidak mendapat laluan capaian ke bahan-bahan internet sulit organisasi.

- 0000000 -